

**KENYATAAN AKHBAR
PENJUALAN PRODUK TIDAK BERDAFTAR: 'AMBERINE CAPSULE'**

Orang awam dinasihatkan untuk mengelak dari membeli dan menggunakan sejenis produk tradisional '**Amberine capsule**' dengan nombor pendaftaran **MAL06021239T** yang digunakan secara tradisional untuk kesihatan tubuh badan. Pemegang pendaftaran bagi produk '**Amberine capsule**' ialah **Sne Marketing Sdn Bhd** dan pengilang adalah **Nature's Grace (M) Sdn. Bhd.**

Pendaftaran produk '**Amberine capsule**' telah dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) pada mesyuaratnya yang ke 228 bertarikh 27 Mei 2010 berikutan pengesanan racun berjadual iaitu metformin dan sibutramine di dalam produk tersebut. Metformin dan sibutramine adalah tidak dibenarkan dalam ubat yang dikelaskan sebagai ubat tradisional.

Ubat-ubatan yang mengandungi metformin dan sibutramine hanya boleh dibekal oleh doktor atau diperolehi dari farmasi dengan preskripsi doktor. Penggunaan metformin dan sibutramine tanpa pengawasan doktor boleh menyebabkan kesan advers serius. Metformin boleh mengurangkan paras gula dalam darah (*hypoglycaemic*) dan penurunan fungsi buah pinggang manakala sibutramine boleh memberi kesan sampingan seperti tekanan darah tinggi dan kesan kardiovaskular yang lain. Dengan itu, adalah sangat bahaya sekiranya produk ini diguna oleh orang yang mempunyai risiko tinggi terhadap kesan advers seperti ini.

Produk ini telah disahkan dicampur palsu dengan metformin dan sibutramine, oleh itu orang awam dinasihat untuk menghentikan penggunaan produk ini dan mendapatkan nasihat dari profesional kesihatan jika perlu maklumat lanjut.

Sesiapa yang mempunyai stok produk ini dinasihatkan menghentikan penjualan, pengedaran atau penggunaan produk ini dengan serta-merta. Penjual adalah diingatkan pemilikan untuk jualan produk ini melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan-kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.